

Cara Mengatasi Gejala Lepak Di Kalangan Remaja

(part 3)

Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya

Pepatah Cina berbunyi "Ketenteraman keluarga memastikan kejayaan segala-galanya yang diusahakan". Kebahagiaan seseorang individu itu bergantung kepada keharmonian keluarganya. Mereka yang berasal daripada keluarga yang sering menghadapi pelbagai masalah besar kemungkinan akan menjadi warga yang bermasalah dalam masyarakat. Masalah sosial yang kian meningkat membayangkan bahawa ramai pemuda-pemudi kita sedang menghadapi masalah keluarga. Kebanyakan mereka hidup tanpa tujuan dan berkelakuan liar. Pada lazimnya kelakuan yang liar mencerminkan kekecewaan mereka dalam mengharungi kehidupan yang tertekan. Oleh itu, ibu bapa seharusnya dapat mewujudkan keadaan stabil di rumah agar anak-anak tidak terganggu emosi kerana keadaan kucar-kacir seperti pergaduhan dan perceraian memberi kesan mendalam ke atas anak-anak. Keadaan seperti ini mungkin juga dilalui di sekolah. Mereka berasa terasing dari rakan-rakan kerana tidak diterima dalam persahabatan, mengalami masalah dalam hubungan sosial dan masalah dalam peperiksaan. Ini menyebabkan mereka membawa diri dengan ponteng kelas, ponteng sekolah, melepak dan sebagainya. Sebagai penyelesaiannya, ibu bapa mestilah memerhatikan setiap gerak-geri atau pergerakan anak-anak mereka. Ibu bapa juga hendaklah sentiasa mengetahui dan mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh anak mereka serta sanggup meluangkan masa untuk mengatasai masalah tersebut. Ibu bapa seharusnya mengetahui rakan-rakan anak mereka dan sentiasa memastikan anak-anak mereka berkawan dan bergaul dengan mereka yang mempunyai kedudukan moral yang baik. Selain itu ibu bapa hendaklah menghabiskan sebahagian daripada masa sehari bersama anak-anak mereka dengan memberikan keyakinan, keberanian, mewujudkan sikap positif terhadap masalah, emosi dan keputusan. Selain itu penghayatan anak-anak terhadap agama, nilai-nilai murni, motivasi, melatih anak cara bersopan, prinsip-prinsip akauntabiliti, tepati janji, berketerampilan, menunjukkan keperibadian yang mulia, amanah, sanggup menerima kelemahan diri serta meneroka potensi anak harus ditingkatkan pada tahap semaksimum mungkin. Justeru itu, ibu bapa disarankan supaya berusaha sedaya-upaya untuk memberikan hidup yang bahagia kepada anak-anak mereka dan sentiasa menjaga ketenteraman keluarga

sebagai langkah yang asas untuk memperkuatkan sistem keluarga orang timur yang kita banggakan sejak turun-temurun.